



28 Disember 2022  
28 December 2022  
P.U. (A) 399

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERINTAH PINJAMAN (TEMPATAN) (HAD STATUTORI  
PINJAMAN) DAN PENDANAAN KERAJAAN  
(HAD STATUTORI WANG YANG DITERIMA) 2022

*LOAN (LOCAL) (STATUTORY CEILING FOR BORROWING)  
AND GOVERNMENT FUNDING (STATUTORY CEILING  
OF MONEYS RECEIVED) ORDER 2022*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA PINJAMAN (TEMPATAN) 1959

AKTA PENDANAAN KERAJAAN 1983

PERINTAH PINJAMAN (TEMPATAN) (HAD STATUTORI PINJAMAN) DAN  
PENDANAAN KERAJAAN (HAD STATUTORI WANG YANG DITERIMA) 2022

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 3(3) Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 [*Akta 637*] dan subseksyen 3(2) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [*Akta 275*], Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pinjaman (Tempatan) (Had Statutori Pinjaman) dan Pendanaan Kerajaan (Had Statutori Wang yang Diterima) 2022**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2023.

**Had statutori pinjaman dan had statutori wang yang diterima**

2. (1) Yang di-Pertuan Agong menetapkan bahawa enam puluh lima peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar Malaysia hendaklah menjadi had amaun bagi jumlah amaun wang yang diperdapat di bawah subseksyen 3(1) Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 dan wang yang diterima di bawah subseksyen 3(1) Akta Pendanaan Kerajaan 1983, apabila dikira bersama.

(2) Bagi maksud perenggan ini, "Keluaran Dalam Negara Kasar Malaysia" ertinya Keluaran Dalam Negara Kasar Malaysia yang terkini yang ada sebagaimana yang disahkan oleh Menteri Kewangan.

(3) Jumlah amaun wang yang diperdapat dan wang yang diterima, yang disebut dalam subperenggan 2(1), yang tidak dibayar balik pada satu-satu masa, apabila dikira bersama, hendaklah tidak boleh melebihi had amaun yang ditetapkan dalam subperenggan yang sama.

- (4) Walau apa pun subperenggan 2(1)—
- (a) wang yang diperdapat di bawah subseksyen 3(1) Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 hendaklah ditadbir mengikut peruntukan Akta yang sama; dan
  - (b) wang yang diterima di bawah subseksyen 3(1) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 hendaklah ditadbir mengikut peruntukan Akta yang sama.

### **Pembatalan**

3. Perintah Pinjaman (Tempatan) (Had Statutori Pinjaman) dan Pendanaan Kerajaan (Had Statutori Wang yang Diterima) 2009 [*P.U. (A) 241/2009*] dibatalkan.

Dibuat 23 Disember 2022  
[MOF.FED(R)700-11/5/21 Jld.1(6); PN(PU2)363]

Dengan Titah Perintah

ANWAR BIN IBRAHIM  
*Menteri Kewangan*

*[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat di bawah subseksyen 3(3) Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 dan subseksyen 3(3) Akta Pendanaan Kerajaan 1983]*

LOAN (LOCAL) ACT 1959

GOVERNMENT FUNDING ACT 1983

LOAN (LOCAL) (STATUTORY CEILING FOR BORROWING) AND  
GOVERNMENT FUNDING (STATUTORY CEILING OF MONEYS RECEIVED) ORDER 2022

IN exercise of the powers conferred by subsection 3(3) of the Loan (Local) Act 1959 [Act 637] and subsection 3(2) of the Government Funding Act 1983 [Act 275], the Yang di-Pertuan Agong makes the following order:

**Citation and commencement**

1. (1) This order may be cited as the **Loan (Local) (Statutory Ceiling for Borrowing) and Government Funding (Statutory Ceiling of Moneys Received) Order 2022**.

(2) This Order comes into operation on 1 January 2023.

**Statutory ceiling for borrowing and statutory ceiling of moneys received**

2. (1) The Yang di-Pertuan Agong specifies that sixty-five per centum of the Gross Domestic Product of Malaysia shall be the ceiling amount for the total amount of the sums raised under subsection 3(1) of the Loan (Local) Act 1959 and the moneys received under subsection 3(1) of the Government Funding Act 1983, when calculated together.

(2) For the purposes of this paragraph, the "Gross Domestic Product of Malaysia" means the latest available Gross Domestic Product of Malaysia as confirmed by the Minister of Finance.

(3) The total amount of the sums raised and moneys received, referred to in subparagraph 2(1), not repaid at any one time, when calculated together, shall not exceed the ceiling amount specified in the same subparagraph.

(4) Notwithstanding subparagraph 2(1)—

(a) the sums raised under subsection 3(1) of the Loan (Local) Act 1959 shall be governed in accordance with the provisions of the same Act; and

(b) the moneys received under subsection 3(1) of the Government Funding Act 1983 shall be governed in accordance with the provisions of the same Act.

**Revocation**

3. The Loan (Local) (Statutory Ceiling for Borrowing) and Government Funding (Statutory Ceiling of Moneys Received) Order 2009 [*P.U. (A) 241/2009*] is revoked.

Made 23 December 2022

[MOF.FED(R)700-11/5/21 Jld.1(6); PN(PU2)363]

By Command

ANWAR BIN IBRAHIM  
*Minister of Finance*

*[To be laid before the Dewan Rakyat under subsection 3(3) of the Loan (Local) Act 1959 and subsection 3(3) of the Government Funding Act 1983]*